

Program Jom Ke Sekolah Dapat Menangani Masalah Disiplin Melalui Jaringan Pemuafakatan PDRM Dengan Sekolah



Labuan, 21 Feb 2020 – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun telah mengadakan program Pemuafaktan KPM dan PDRM: Program Jom Ke Sekolah Peringkat Sekolah Tahun 2020 dan Pelancaran Buku Panduan PPS pada 21 Februari (Jumaat) bertempat di Dataran Bedaun, SMK Taman Perumahan Bedaun.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan kerjasama lebih mantap antara pihak sekolah dengan Pegawai Perhubungan Sekolah, agar dapat menghindarkan murid daripada ponteng sekolah, membantu mencegah salah laku disiplin murid daripada terlibat dalam kegiatan jenayah dan perlakuan yang menyalahi undang-undang serta tidak bermoral sama ada di dalam atau luar sekolah.

Kehadiran Pegawai Polis yang juga selaku Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) SMK Taman Perumahan Bedaun iaitu ASP Davis Ak Wesley yang turut menyampaikan perutusan Ketua Polis Negara sempena Program Jom Ke Sekolah peringkat sekolah tahun 2020.

Majlis ini turut dihadiri Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Encik Peter Wong dan Penolong Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Inpektor Iskandar Bin Aini yang turut sama terlibat melakukan simbolik pelancaran program Jom Ke Sekolah bersama-sama pentadbir sekolah.



Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) ASP Davis Ak Wesley



Pengetua Encik Ag Rozlan bin Manan

Pengetua Encik Ag Rozlan bin Manan, PK Pentadbiran Puan Chai Yee San, PK Kokurikulum Puan Lau Chin Ying turut bersama melancarkan program ini.

Encik Ag Rozlan yang membacakan perutusan Timbalan Menteri Pendidikan turut menegaskan permuafakatan KPM dan PDRM melalui PPS sentiasa diperlukan memastikan sekolah kawasan selamat dan ceria kepada murid.

Pelancaran Buku Panduan PPS turut diadakan dengan penyerahan Buku Panduan PPS oleh Pegawai Perhubungan Sekolah ASP Davis AK Wesley kepada Pengetua Encik Ag Rozlan bin Manan. Buku Panduan PPS dapat memberi panduan dan penerangan tentang tugas, peranan, tanggungjawab PPS melalui kerjasama PPS dengan pihak sekolah untuk memantapkan disiplin murid.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Pelancaran Program Jom Ke Sekolah Dan Pelancaran Buku Panduan PPS bersama oleh PPS dan barisan pentadbir sekolah

**Amirul Hishamuddin dari SKK
SK St Anne Ungguli
Kejohanan Golf MSSWPL bawah
12 Tahun**



Labuan – Adik Amirul Hishamudin bin Roslan dari SKK SK StAnne telah muncul johan bagi lelaki bawah 12 tahun dengan jumlah mata 103 di Kejohaan Golf Peringkat Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) 2020.

Kejohanan tersebut telah berlangsung di Labuan Golf Club Labuan pada 19 Februari lalu dan dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin Saidin.

Guru Besar dan seluruh warga SKK SK St Anne berasa gembira dan bangga dengan pencapaian adik Amirul Hishamudin. Syabas dan tahniah diucapkan.

Berita Oleh : SKK SK St Anne

SMK

Rancha-Rancha

Melahirkan Pemimpin Masa Depan



Labuan 19 Feb 2020 – Buat julung-julung kalinya SMK Rancha-Rancha telah mengadakan satu program Dialog Pemimpin Muda Bersama YB, Datuk Haji Rozman Bin Datuk Haji Isli, Ahli Parlimen P166 Labuan.

Program yang diadakan di Anjung Budaya, Kampung Layang-Layangan ini merupakan program yang berhasrat membentuk kemenjadian murid untuk menjadi pemimpin masa depan.

Program ini melibatkan pemimpin muda sekolah seramai 108 orang yang terdiri daripada Pengawas-pengawas sekolah, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah. SMK Rancha-Rancha juga turut menjemput pemimpin muda dari Sekolah Menengah Sains Labuan dan Sekolah Menengah Taman Perumahan Bedaun Labuan di samping pemimpin kecil dari Sekolah Kebangsaan Sungai Lada dan Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun untuk turut sama berkongsi pemikiran dan pengalaman dalam dialog tersebut.



YB Datuk Rozman, bersama Encik Raisin Saidin, Tuan Haji Abdul Rahman, DSP Mohd Firdaus dan En Yahya

Datuk Rozman berkata program seumpama ini merupakan satu bentuk program yang membentuk murid-murid untuk berani menyampaikan idea serta berkongsi pendapat serta pemikiran yang lahir daripada pemimpin muda. Mereka inilah yang akan mewarnai masa depan negara kerana pemimpin muda adalah pemimpin masa depan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada SMK Ranch-Rancha kerana mempunyai inisiatif untuk mengadakan program dialog ini semata-mata untuk mengetengahkan kepimpinan anak muda khususnya di peringkat sekolah supaya mereka ini dapat menjadi pemimpin yang berkarisma pada masa akan datang.

Tambahnya pula, pemimpin yang sedia ada silih berganti dan persiapan perlu dibuat sekarang untuk melahirkan pemimpin yang berkredibiliti agar kita tidak ketandusan pemimpin berkaliber.

Sebanyak 10 soalan dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin muda yang berkisar tentang aspek politik, pembangunan pemimpin muda, sosial serta isu-isu pendidikan. Dialog yang berlangsung selama hampir dua jam itu mampu

memberikan impak besar dari segi keberanian pemimpin-pemimpin muda untuk menyuarakan isu-isu yang bersifat semasa.



Yang Berhormat Datuk Rozman Bin Datuk Haji Isli turut menyampaikan watikah pelantikan kepada pemimpin muda SMK Ranchorancha.

Terdahulu, Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan juga mengucapkan tahniah kepada SMK Ranchorancha kerana berjaya menyahut saranannya untuk mengetengahkan kepimpinan muda yang dilontarkannya semasa Program 'Maitah Badudun Mesra Kampung' di Dewan Komuniti, Kg Sungai Bedaun pada tahun 2016.

Beliau juga mengucapkan terimakasih kepada YB Datuk Rozman yang sanggup turun padang untuk berjumpa dengan pemimpin muda SMK Ranchorancha. Beliau mengharapkan agar idea seperti ini perlu diteruskan dan mahu SMK Ranchorancha menyambut ideanya dan menjadi pengelola untuk siri akan datang.

Dalam majlis itu juga, YB Datuk Rozman juga turut menyampaikan watikah pelantikan kepada semua pemimpin muda di Sekolah Menengah Kebangsaan Ranchorancha yang

terdiri daripada pemimpin tiga peringkat yang membantu melicinkan pengurusan sekolah.

Turut hadir dalam program berkenaan ialah Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Tuan Haji Abdul Rahman, Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Murid, DSP Mohd Firdaus Ramli, serta Encik Yahya Ahmad Puteh, Pengetua SMK Rancha-Rancha Labuan.

Berita Oleh : Encik Yahya Ahmad Puteh, Pengetua SMK Rancha-Rancha



Encik Raisin Saidin menyampaikan ucapan alu-aluan dalam majlis Dialog Pemimpin Muda Bersama Ahli Parlimen Labuan

Perhimpunan Bulanan JPWPL, Februari 2020 : BERSAMA MELANGKAH JAUH



Labuan, 18 Feb 2020 – Program seperti Ziarah Cakna dan Jom Ke Sekolah merupakan aktiviti yang mampu merealisasikan '**Guru Sayang Muridnya**'.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata seiring dengan fungsi guru mengajar, guru mendidik, para pendidik perlu menyelami harapan murid sehingga mereka rasa dihargai.

Pihak sekolah boleh melihat sejauh mana faktor menarik dan menolak yang ada di sekolah masing-masing, agar mampu menarik minat murid untuk belajar dan berbuat.

Katanya, pengalaman seorang guru yang suatu ketika dulu

juga pernah menjadi murid boleh digunakan untuk menyelami hati seorang murid, seterusnya dapat mendekati, menasihati dan mensyukuri dengan nilai kasih sayang secara berhemah.

Guru berperanan sebagai pemegang amanah besar dalam melahirkan insan yang mempunyai nilai keluruhan adab sopan dan berintegriti.

“ROH seorang guru perlu sentiasa MENDARAH DAGING dengan sentuhan insaniah dan nurani yang tidak mampu dibuat oleh mesin. Biarlah boleh dirasai oleh murid.” Encik Raisin Saidin.

Encik Raisin Saidin berkata demikian sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bagi bulan Februari 2020, di Bilik Benua, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan.



Encik Raisin Saidin bersama penerima Anugerah Khas Pengarah bulan Februari 2020

Cikgu Sapri bin Idris, Guru Perpustakaan dan Media, SMK Rancha-Rancha telah menerima Anugerah Guru Digital Media di atas sumbangan dalam dunia teknologi pendidikan dan media.

Anugerah Khas Pengarah bagi bulan Februari 2020 dianugerahkan kepada Encik Abdul Rahman bin Ahmad, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Puan Maimoon bt Matnoh, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah dan Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Rancha-Rancha.

Susulan Ziarah Cakna pada minggu lalu, Encik Raisin

Saidin turut melancarkan dana untuk membantu murid SMK Rancia-Rancia adik Ukail Syamil Najmuddin bin Mohammadde, pelajar tingkatan 5 An Nasawi. Beliau terpaksa mengulang kembali pengajian di tingkatan 5 pada tahun ini kerana tidak sempat menduduki peperiksaan SPM 2019 disebabkan kesihatan yang tidak mengizinkan.

'BERSAMA MELANGKAH JAUH' : Tema Perhimpunan Bulanan JPWPL, Februari 2020



Sijil Penghargaan kepada warga jabatan



Sijil Penghargaan kepada pihak sekolah



Sambutan Hari Jadi kepada Warga Pendidikan yang lahir pada bulan Februari

SM St Anne dan SM St Anthony Pengelola Bersama Majlis Pemuafakatan KPM Bersama PDRM : PROGRAM JOM KE SEKOLAH 2020



Labuan, 18 Feb 2020 – Majlis Pemuafakatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) : Program Jom Ke Sekolah dan Pelancaran Buku Panduan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Peringkat Kebangsaan, WP Labuan Tahun 2020 telah berlangsung di Dewan Muhibah, SM St Anne, kelmarin.

Sekolah

Menengah St Anne dan Sekolah Menengah St Anthony telah diamanahkan menjadi sekolah pengelola bagi menjayakan program tahun 2020 ini.

Majlis

telah dirasmikan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kolaborasi antara Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bersama Polis Diraja Malaysia ini turut dihadiri oleh Superintenden Muhamad Farid Bin Ahmad, Ketua Polis WP Labuan, Timbalan-timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, Pegawai Perhubungan Sekolah SM St.Anne & SM St.Anthony, YDP PIBG SM St.Anne & SM St.Anthony, Paderi Paroki Sekolah-sekolah Mission, para pengetua dan guru besar, pegawai-pegawai, guru-guru, murid-murid daripada SM St.Anne dan SM St.Anthony.



Encik Raisin Saidin menyambut kehadiran murid SM St Anne sambil diperhatikan oleh Superintenden Muhamad Farid Superintenden Muhamad Farid dalam menyampaikan perutusan Ketua Polis Negara berkata, kesepakatan, komitmen, dan kesungguhan semua pihak, sama ada KPM, PDRM, NUTP, ibu bapa, dan komuniti yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan program Jom ke Sekolah ini akan menghasilkan impak yang besar kepada sistem pendidikan di Malaysia.

Tambahnya lagi, PDRM amat berbesar hati dengan kerjasama berterusan melalui kehadiran Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di semua sekolah KPM. Pelaksanaan program Jom ke Sekolah ini adalah untuk mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama yang lebih mantap di antara pihak sekolah dan PPS.

Pada akhir perutusan, beliau menyatakan bahawa program ini juga merupakan kesempatan untuk melancarkan Buku Panduan PPS sebagai buku rujukan KPM dan PDRM bermula tahun ini. "Semoga semua pihak yang berkaitan akan mendapat manfaat yang besar dari pelancaran buku ini", katanya sebelum mengakhiri perutusan yang disampaikan.



Murid-murid SM St Anne dan SM St.Anthony yang hadir dalam Majlis Pelancaran Program Jom Ke Sekolah



Encik Raisin Saidin (tengah), Superitenden Muhamad Farid (kanan), Puan Mary Anyita (2 kiri) dan Puan Dona (2 kanan) bersama-sama dengan Pegawai Perhubungan Sekolah dan penerima Anugerah St.Anne Role Model of The Month bagi Tingkatan 1 hingga 5.

Encik

Raisin Saidin dalam ucapan perasmian, mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak SM St.Anne dan SM St.Anthony kerana berjaya mengadakan majlis pelancaran bagi program ini secara serentak dengan semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Menurut

beliau, pengurusan disiplin di sekolah memerlukan komitmen daripada semua pihak agar kemenjadian murid akan lebih cemerlang.

Seterusnya,

beliau juga menyatakan bahawa dengan adanya gabungan kolaborasi seperti ini, warga sekolah khususnya mempunyai saluran yang sesuai

untuk memberi dan
menerima aduan di samping menyelesaikan masalah yang
berkaitan disiplin murid.

Dalam
erti kata lain, program ini merupakan dimensi lain dalam
membugarkan kembali
penggunaan Peti Aduan Disiplin Murid di sekolah. Selain
itu, beliau turut
memberi peringatan kepada pihak pentadbir sekolah agar
sentiasa memastikan
pengurusan disiplin murid ini sentiasa ditambah baik dari
semasa ke semasa agar
proses perkhidmatannya dapat ditingkatkan dan lebih
berkesan.

*“Gunalah masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya kerana
masa muda hanya sekali. Berusahalah menjadi yang
terbaik kerana dalam dunia yang kompetatif hari ini
hanya yang terbaik akan berjaya” Encik Raisin Saidin*



Superintenden Muhamad Farid Bin Ahmad



Encik Raisin Saidin

Dalam majlis pelancaran Program Jom ke Sekolah ini juga, penyampaian Anugerah Kehadiran Terbaik Kelas SM St.Anne dan SM St.Anthony turut diadakan.

Anugerah

ini diberikan kepada kelas-kelas yang berjaya mencapai KPI Kehadiran KPM dan Jabatan Pendidikan WP Labuan iaitu 95%.

Selain itu, Anugerah SM St.Anne Role Model of The Month turut diberikan kepada 5 orang murid tingkatan 1 hingga 5 yang menepati beberapa kriteria seperti tidak mempunyai masalah kehadiran atau lewat, tidak mempunyai masalah kehadiran aktiviti kokurikulum, berketerampilan dan berpakaian kemas, sentiasa menyiapkan kerja sekolah dan fokus semasa pdpc serta berkelakuan baik dan boleh dicontohi.

Berita Oleh : SM St Anne



Erviana Bernard, Ketua Kelas 5A2 menerima Anugerah Kehadiran Terbaik Kelas dengan peratus kehadiran tertinggi, iaitu 99%. 10 daripada 15 kelas di SM St.Anne berjaya mencapai 95% ke atas untuk kehadiran bulan Januari



Penerima Anugerah Kehadiran Terbaik Kelas SM St.Anthony dengan peratus kehadiran tertinggi sebanyak 97.63%.



Dari Kiri : Encik Ag Marten, Encik Abd Rahman, Superitenden Muhamad Farid, Encik Raisin Saidin, Encik Yusup dan Encik Syamsul (berdiri di belakang)

‘KIBARAN’ JENTAYU Bolot Pingat Sukan Olahraga SKSB Tahun Ke-4 Berturut-turut



Kejohanan Sukan Olahraga Sekolah Kebangsaan Sungai Bedau (SKSB) WP Labuan 2020 melabuhkan tirai Hari Sukan Sekolah pada 16 Februari yang lalu. Temasya ini menyaksikan rumah sukan Jentayu sekali lagi mencatat rekod sebagai juara keseluruhan.

Dengan kutipan sebanyak 18 pingat emas, rumah sukan Jentayu mempertahankan kedudukannya sebagai juara bagi tahun keempat berturut-turut.

Sebanyak 55 buah acara telah dipertandingkan dengan

penglibatan seramai 638 orang murid yang menjalani latihan komprehensif oleh guru-guru dari rumah sukan Jentayu, Cenderawasih, Kasawari dan Garuda.

Pembukaan kejohanan sukan sekolah tahun ini telah diadakan di Padang SKSB pada 12 Februari yang lalu. Acara yang dipertandingkan di padang SKSB termasuklah lompat jauh, lompat tinggi dan lontar peluru kategori lelaki dan perempuan.

Turut dipertandingkan pada awal pembukaan kejohanan ialah merentas desa, lari berpagar 80 meter dan acara bagi murid Tahun Satu dan Tahun Dua iaitu lari pecut 80 meter dan lari berganti-ganti 4×80 meter.

Temasya Sukan Olahraga SKSB Kali ke-18 diteruskan lagi dengan acara larian bagi murid-murid Tahun Tiga hingga Tahun Enam bertempat di Kompleks Sukan Labuan.



Kontingen Perbarisan rumah Cenderawasih mengenakan kostum yang kreatif dan menarik untuk membuat perbarisan lintas hormat.



Acara larian 100M Perempuan tahun 6



Lompatan juara acara lompat jauh oleh Pengiran Muhammad Shahrizal Bin Pengiran Masri.

Larian comel 80 meter turut diadakan bagi memberi peluang kepada murid yang mempunyai berat badan melebihi 50 kilogram agar dapat mengambil bahagian dalam acara larian di trek.

Majlis turut diserikan dengan lintas hormat 33 orang peserta perbarisan setiap kontinjen rumah sukan berjalan

lalu dengan segak dan berdisiplin.

Guru Besar SK Sungai Bedaun, Puan Dg Sarifah Binti A. Mahmod, menyampaikan ucapan aluan dengan merakamkan penghargaan kepada guru-guru, ibu bapa murid, penjaga murid dan komuniti atas kerjasama erat yang telah menjayakan inisiatif Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) sempena hari sukan sekolah tersebut.

Inisiatif PIBK merupakan salah satu anjakan di dalam dasar pendidikan yang terbaharu.

Mengulas lanjut, Puan Dg Sarifah mengucapkan tahniah kepada guru-guru yang berkorban masa dan tenaga sepanjang latihan sukan dan semasa pertandingan diadakan tanpa mengabaikan kepentingan akademik murid-murid.

Beliau percaya kejohanan ini akan menjadi medan terbaik untuk guru-guru mencipta kreativiti memacu semangat pelajar, manakala para pelajar pula berpeluang mengerah kudrat, melepaskan beban emosi dalam acara yang disertai dan seterusnya mencipta momentum yang dapat menjana tenaga dalaman seterusnya menjadi juara.

Beliau tidak lupa menyampaikan amanat dan motivasi kepada murid-murid SKSB bahawa kejohanan ini merupakan pendidikan secara tidak langsung kepada murid-murid bahawa kejayaan tidak dapat dicapai melalui usaha, ketekunan, perancangan yang rapi dan pengorbanan.



Guru-guru SK Sungai Bedaun WP Labuan bergambar kenangan bersama Encik Raisin Saidin.

Majlis temasya sukan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin.

Dalam ucapannya berkata, hari sukan sekolah yang dijalankan bukan sahaja semata-mata untuk melatih kecerdasan fizikal murid-murid bagi melahirkan generasi yang bersifat holistik, malah ia juga merupakan satu platform untuk menggilap kebolehan murid-murid di dalam bidang sukan dan seterusnya mengetengahkan bakat mereka hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Beliau juga ingin melihat lebih ramai murid SK Sungai Bedaun mewakili Wilayah Persekutuan Labuan dalam bidang sukan ke peringkat kebangsaan.

Beliau menegaskan, kejohanan ini dapat menjadi wadah bagi memupuk budaya bersukan dalam kalangan murid serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa. Beliau turut menyatakan perasaan kagum apabila melihat semangat kesukunan yang telah ditunjukkan oleh murid-murid SK Sungai Bedaun begitu tinggi dan jitu.

Majlis turut menyaksikan Olahragawan SKSB bagi tahun 2020 telah disandang oleh adik Mohd Afiq Bin Abdullah dengan memperolehi 2 pingat emas, manakala Olahragawati SKSB pula disandang oleh adik Nur Syafiqah Dhanish Binti Junaidy dengan pingat emas sebanyak 3 pingat. Kedua-duanya dari rumah sukan Garuda.

Turut hadir, Encik Mohamad Bin Pindut selaku pegawai angkat SKSB, Puan Wiwik Iswandari Binti Sudirman selaku Pengerusi PIBG SKSB, dan Encik Rosmani Bin Puteh selaku Ketua Kampung Sungai Bedaun.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Puan Dg. Sarifah menyampaikan cenderahati kepada Encik Raisin Saidin, sambil diperhatikan oleh (dari kanan) Puan Zubaidah (PK HEM), Encik Mohamad (pegawai angkat sekolah), Encik Rosmani (ketua kampung Sungai Bedaun) dan Puan Wiwik Iswandari (YDP PIBG).

ACHILLEA Ungguli Sukan Tahunan SMK Mutiara Kali Ke-17



Labuan, 17 Feb – Sekolah Sukan Negeri, SMK Mutiara telah berjaya menganjurkan kejohanan sukan Tahunan kali ke-17 dengan jayanya. Agenda penting dalam takwim sekolah ini telah berlangsung dengan penuh meriah mulai 11 sehingga 15 Februari 2020.

Menurut Encik Jostelen Lamibai, Penolong Kanan Kokurikulum merangkap Pengerusi Pengelola kejohanan, sebanyak 67 acara sukan pelbagai kategori dipertandingkan dalam tempoh 5 hari. Kebanyakkan acara padang dilaksanakan di padang sekolah pada waktu petang manakala semua acara balapan telah dianjurkan di Kompleks Sukan Labuan.

Acara perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad pada 12 Februari 2020 bertempat di Kompleks Sukan Labuan. Dalam ucapannya beliau menyarankan semua atlet mesti bersungguh-sungguh menunjukkan kehebatan dan keupayaan masing-masing dalam acara yang diceburi.

“Semua atlet perlu menunjukkan semangat juang tinggi dan bertanding dengan adil demi kecemerlangan sukan. Semangat ini perlu dibawa ke dalam bilik darjah supaya kita dapat mengimbangi kehebatan dalam bidang Kokurikulum dan Akademik” katanya lagi.



Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad, Pengetua dan Tetamu lain bersama pemenang

Terdahulu Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim dalam ucapannya mengalu-alukan kesudian hadir tetamu kehormat untuk merasmikan kejohanan dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran Naib YDP PIBG, Puan Zuraidah binti Ahmad, para ibubapa dan murid-murid. Beliau turut mengucapkan terima kasih atas komitmen guru-guru dalam memastikan Pengelolaan kejohanan kali ini berjalan lancar Walaupun dalam cuaca panas terik.

Seramai 267 atlet daripada 4 rumah sukan termasuk atlet daripada PPKI telah mengambil bahagian. Acara untuk murid PPKI hanya melibatkan 2 acara sahaja iaitu 100m dan 4 x 100 meter. Rumah sukan Achillea telah berjaya muncul juara keseluruhan dengan mengutip 22 pingat Emas 29 pingat Perak dan 21 pingat Gangsa. Rumah Dahlia dan Begonia pula berjaya menjadi naib Johan dan tempat ketiga masing-masing.

Kejohanan kali ini telah melabuhkan tirainya pada jam 11 pagi tadi telah menyaksikan 4 rekod baharu tercipta. Adik Aizul bin Husin dari rumah Dahlia berjaya mencatat dua rekod baharu melalui acara kegemaran beliau iaitu 110 meter lari berpagar dan 100 meter lelaki bawah 18 tahun. Beliau telah mencatat 14:73 saat dalam 100m berpagar memadam rekod lama 15:33 saat catatan adik Aidil Mubarak pada tahun 2017.

Selain itu adik Aizul turut berjaya mencatat 10:88 saat dalam acara pecut 100meter L18 meleburkan rekod lama 10:93 saat yang dibuat oleh adik Mohd Arif bin Aspan pada 2013.

Adik Aizul ketika ditemui turut melahirkan rasa puas hati kerana berjaya memecahkan dua rekod dalam dua acara kegemarannya. "Saya tidak menyangka dapat mencatat masa terbaik dan memecah rekod kejohanan. Saya akan terus berlatih dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa nama baik SMK Mutiara dalam MSSWPL nanti" kata beliau lagi.


Sementara itu Adik Nur Izzah Faiqah binti Isman dari Rumah Achillea turut cemerlang dalam 100 meter lari berpagar P18 dengan catatan rekod baharu 18:54 saat mengatasi rekod lama 18:81 saat yang dibuat oleh adik Stella Josiris pada tahun 2007. "Saya bersyukur atas kejayaan memadam rekod yang telah berusia 13 tahun dan akan terus berusaha dengan lebih tekun pada masa akan

datang" ujar adik Nur Izzah lagi.

Mana kala adik Beverly Liew Hui Wen juga dari Rumah Achillea pula cemerlang dengan rekod baharu dalam acara 1500m P18. Beliau berjaya mencatat masa 6 minit 28:06 saat untuk mengatasi rekod lama 6 minit 42:21 saat yang dicipta Adik Hegalashini a/p Gopalakrishnan pada tahun 2015.



Adik Aizul bin Husin dinobatkan sebagai Olahragawan SMK Mutiara tahun 2020.



Adik Beverly Liew Hui Wen dari Rumah Achillea dinobatkan sebagai Olahragawati SMK Mutiara tahun 2020

Atlet Terbaik mengikut kategori telah dimenangi oleh Adik Ayriel Firdaus Bin Alias dengan pencapaian 4 Pingat Emas

dan 1 Gangsa bagi Kategori Lelaki Bawah 15 Tahun. Adik Chai Jia Sing pula mengungguli Kategori Perempuan 15 Tahun ke bawah dengan 3 Pingat Emas dan 2 Pingat Perak.

Dalam kategori bawah 18 Tahun pula, atlet terbaik lelaki diraih oleh Adik Aizul Bin Husin dan adik Beverly Liew Hui Wen bagi Kategori wanita. Selain acara 100m dan 110m berpagar, Adik Aizul telah berjaya menggondol 2 lagi pingat Emas dalam acara 400 Meter Lari Berpagar dan 4X100 Meter serta satu pingat Gangsa melalui acara 4X400 Meter. Manakala adik Beverly Liew Hui Wen pula berjaya mendapat 5 pingat emas dalam acara yang disertai, 800 Meter, 1500 Meter, 3000 Meter Terbuka, 4X100 Meter dan 4X400 Meter.

Kejayaan memecah dua rekod kejohanan telah menobatkan adik Aizul bin Husin Sebagai Olahragawan sekolah tahun ini. Olahrawati pula dirangkul oleh Adik Beverly Liew Hui Wen dengan 5 Pingat Emas selain mencipta satu rekod baharu kejohanan.

Acara penutup telah menyaksikan kehebatan guru-guru rumah Dahlia berjaya menjadi Johan dalam acara 8 x 50m. Selain itu, rumah Dahlia turut menjadi Johan perbarisan rumah.

Berita Oleh : SMK Mutiara





Wajah ceria murid-murid SMK Mutiara

**Rumah Neptune Juara Baharu
Kejohanan Olahraga SMK
Taman Perumahan Bedaun 2020**



Labuan, 16 Feb 2020 – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) telah menganjurkan Kejohanan Olahraga Kali Ke-20 dengan penuh gilang-gemilang di Kompleks Sukan Labuan.

Satu taklimat keselamatan telah disampaikan oleh Pn. Rosenani Farera Michael (Penyelaras Kejohanan) kepada peserta sebelum acara dimulakan. Acara ini disertai oleh 4 buah rumah sukan iaitu Rumah Zuhal, Rumah Neptune, Rumah Musytari dan Rumah Marikh.

Kejohanan tahun ini berjalan lancar dengan mendapat bantuan keselamatan daripada anggota Angkatan Pertahanan Awam. Ibu bapa juga turut hadir memberikan sokongan dan bantuan kepada pihak sekolah.

Majlis perasmian penutupan Kejohanan ini telah disempurnakan oleh Pegawai Angkat SMK Taman Perumahan Bedaun, En Awang Adi bin Tuah. Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah En. Ag Rozlan bin Manan (Pengetua), Pn. Lau Chin Ying (PK Kokurikulum) dan Penolong Pn. Chai Yee San (Pen. Kanan Pentadbiran).



Barisan Warga SMK Taman Perumahan Bedaun yang menjayakan Olahraga SMK TPB



Penyampaian hadiah acara 4x100m acara guru dan Ibubapa Olahragawati bagi kategori P15, dimenangi oleh Nursuhada Majeedah Binti Abu Bakar (2 Emas, 1 Perak dan 1 Gangsa, 1 Rekod Baru), manakala olahragawan L15, dimenangi oleh Arbelleo Christianley (3 Emas dan 1 Rekod Baru). Seterusnya, Olahragawati P18, dimenangi oleh Karen Hana

Besar (3 Emas, 2 Perak dan 3 Rekod Baru), Olahragawan bagi L18, dimenangi oleh Mohd Rizal Awing (3 Emas dan 1 Rekod Baru).

Juara keseluruhan dimenangi oleh Rumah Sukan Neptune, Naib Johan pula Rumah Zuhal, tempat ketiga Rumah Musytari dan diikuti Rumah Marikh. Manakala untuk acara perbarisan dan pasukan sorak, Rumah Musytari telah dinobatkan sebagai juara

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Olahragawan L15- Abrelleo Christianley



Olahragawati P15- Nursuhada Majeedah



Olaharagawan L18- Mohd Rizal bin Awing



Olahragwati P18- Karen Hana Besar



Murid SMK TPB, bersiap Sedia untuk acara larian



Pasukan Sorak Rumah Musytari

Hari Penetapan Sasaran SPM dan PT3 SMK Mutiara Perkukuh Komitmen Murid dan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan



Labuan – Seramai 200 murid dan ibubapa telah hadir ke Majlis Hari Penetapan Sasaran SPM 2020 yang telah berlangsung pada 14 Februari lalu di Dewan Semarak SMK Mutiara. Majlis yang bermula jam 10 pagi itu dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah ini.

Penyelaras program, Encik Mohd Hafiz bin Lukman yang juga Kaunselor sekolah berkata seramai 145 calon SPM terlibat dalam majlis ini yang diadakan untuk memberi peluang kepada murid dan ibubapa masing-masing menetapkan sasaran pencapaian yang dihasratkan dalam SPM 2020.

“Sasaran murid dan ibubapa dipersetujui secara bersama dan disaksikan oleh guru-guru yang mengajar mereka.

Sasaran yang diletakkan perlu mencabar dan memerlukan komitmen dan kesungguhan untuk dicapai.” katanya lagi.

Selain itu program ini juga memberi peluang kepada ibubapa untuk mengetahui program-program yang akan dijalankan oleh pihak sekolah bagi memastikan sasaran dapat dicapai.

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim dalam ucapan beliau mengucapkan terima kasih kepada ibubapa dan penjaga atas usaha yang bersungguh-sungguh untuk hadir ke majlis ini.

Beliau telah menyentuh beberapa perkara penting dalam memastikan prestasi murid dan prestasi sekolah dapat ditingkatkan dalam SPM 2020. Antaranya ialah berkaitan kehadiran murid ke sekolah sepanjang tahun dan komitmen ibubapa atau penjaga terhadap pembelajaran anak-anak.

“Sebagai ibubapa, kita mesti bertanggungjawab terhadap Pendidikan mereka sehingga tamat persekolahan. Mereka adalah amanah yang perlu dididik dengan sempurna. Ibubapa jangan berkira dalam hal-hal pelaburan dalam pendidikan anak-anak kerana pulangannya nanti akan sampai semula kepada kita” tegas beliau.



Ibu bapa yang hadir memberi sokongan kepada pendidikan anak-anak mereka

Dalam Majlis itu juga, Encik Mohd Nizam telah menunjukkan prestasi pencapaian SPM dalam tempoh 3 tahun sejak 2016 hingga 2018. Pencapaian layak sijil SMK Mutiara telah menunjukkan peningkatan ketara iaitu 81.82% dalam tahun 2017 kepada 89.93% dalam SPM 2018. Beliau turut berharap agar momentum peningkatan ini dapat dijelmakan lagi di dalam keputusan SPM 2019 yang bakal diumumkan pada Mac nanti seterusnya dalam SPM 2020.

Menurutnya lagi, kerjasama dari semua pihak amat diperlukan dan dihargai dalam usaha mengangkat martabat SMK Mutiara sebagai sebuah institusi pendidikan yang dihormati. PIBG dan agensi luar telah banyak membantu pihak sekolah dalam menyalurkan dana untuk pelaksanaan program-program peningkatan Prestasi sekolah.

Turut hadir di dalam majlis berkenaan ialah Naib YDP PIBG, Puan Zuraidah binti Ahmad, pegawai angkat sekolah, Encik Afandi bin Nasir dan Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Siti Aminah Binti Zakaria.

Puan Zuraidah berkata PIBG akan memberikan insentif

kepada murid terbaik SPM Tahun 2020. Menurutnya lagi, PIBG akan sentiasa memberi kerjasama sewajarnya demi kepentingan murid-murid yang bersekolah di sini.

Encik Afandi Nasir turut menasihatkan murid-murid yang beragama Islam agar mengamalkan membaca surah-surah yang pendek setiap hari sebagai pendekatan rohani ke arah kecemerlangan.

Puan Siti Aminah ketika menjawab pertanyaan ibubapa menjelaskan bahawa program terdekat yang akan dilaksanakan untuk calon-calon SPM 2020 ialah bengkel menjawab soalan peperiksaan yang melibatkan 17 mata pelajaran. Bengkel ini akan dibiayai sepenuhnya oleh PIBG sekolah.

Di akhir majlis, ibubapa mengambil peluang beramah mesra dengan guru-guru Tingkatan 5 dan guru kelas anak-anak mereka. Majlis tamat pada jam 11.30 pagi.

Berita Oleh : SMK Mutiara



Ucapan aluan Pengetua SMK Rancha-Rancha, Encik Mohd Nizam

MPSM Labuan Hadiri Majlis Amanat dan Aspirasi Jabatan Pendidikan W.P. Labuan Tahun 2020



Labuan, 18 Feb 2020 – Seramai 9 Pengetua sekolah-sekolah menengah W. P. Labuan telah hadir ke Majlis Amanat dan Aspirasi Tahun 2020 di Auditorium Labuan International School (LIS), 15 Februari lalu.

Majlis yang dimulai jam 8.00 pagi turut melibatkan kira-kira 500 warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk YDP PIBG sekolah-sekolah.

Majlis dimulakan dengan sesi Bicara Profesional Pendidikan melibatkan penerangan fungsi dan tanggungjawab sektor-sektor di bawah penstrukturran baharu Jabatan Pendidikan W. P. Labuan.

Seramai 4 Timbalan Pengarah dan 2 Ketua Penolong Pengarah telah menyampaikan taklimat berkaitan sektor masing-masing. Sesi Bicara Profesional ini telah dikendalikan oleh moderator Encik Pengiran Abdul Kadir bin Pengiran Budin, SISC+ Matematik Jabatan Pendidikan W. P. Labuan.



Bual Bicara Profesional

Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman bin Datuk Haji Isli. Dalam ucapannya beliau mengucapkan terima kasih atas usaha gigih guru-guru yang telah berjaya meletakkan Labuan sebaris dengan negeri-negeri lain dalam bidang pendidikan.

“Jabatan Pendidikan telah banyak membantu membangunkan ekonomi Labuan melalui penganjuran aktiviti pelancongan Pendidikan seperti LICER, MAITAH BERINOVASI dan melalui acara-acara sukan” kata beliau lagi.

Terdahulu, Pengarah Pendidikan Labuan, Encik Raisin bin Saidin telah menyampaikan Amanat dan Aspirasi Pendidikan 2020 bertemakan BERSAMA-SAMA MELANGKAH LEBIH JAUH :

AKAUNTABILITI TERHADAP PENDIDIKAN DI LABUAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA.

Menurut beliau, setiap guru mesti berakauntabiliti dan meningkatkan rasa kebertanggungjawaban secara bersama dalam pendidikan ke arah Kemenjadian Murid .

“Empat fokus utama akauntabiliti pendidikan ialah penyertaan murid, pembelajaran murid kualiti guru dan Pemimpin sekolah serta pentaksiran. Setiap guru mesti mempunyai roh yang mampu mengubah tingkah laku anak-anak murid dan melahirkan modal insan yang kalis masa depan” Encik Raisin Saidin

Di akhir amanat, Encik Raisin menyeru agar semua guru bekerja bersungguh-sungguh mendidik warga sebagai melahirkan rasa kesyukuran terhadap kerjaya dan kepada tuhan.

Di dalam majlis ini juga, Jabatan Pendidikan telah memberi penghargaan kepada 3 individu yang banyak memberi sumbangan dan berjasa kepada Pendidikan di Labuan sepanjang tahun 2019. Pengiktirafan secara tahunan ini telah diberikan kepada Datin Seri Datuk Norsiah binti Abdullah, Tuan Haji MD. Yusof bin Hj. Chu Chu dan Puan Nyuk Ping Ong.

YDP MPSM Labuan, Encik Ismail Abdullah telah memimpin bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam dan lafaz Rukun Negara semasa majlis tersebut.

Beliau juga berkata para Pengetua adalah Pemimpin barisan hadapan yang akan menjadi peneraju kepada hasrat dan Aspirasi KPM 2020 dan akan berusaha bersungguh-sungguh ke arah kualiti sekolah dan Kemenjadian Murid selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) .

Berita Oleh : Encik Mohd Nizam bin Yasim



Ikrar Perkhidmatan Awam